

Kupi-Kupi UMS Speaker Corner 2018 bincangkan isu semasa

UB 4.10.2018 B7

KOTA KINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan program Kupi-Kupi UMS Speaker Corner 2018 pada 25 September 2018 bertempat di Dewan Serbaguna, Kolej Kediaman Tun Fuad, UMS.

Program ini dijalankan untuk membuka luas pengetahuan dan pandangan



SALAH seorang pelajar menyampaikan pidato.


PELAJAR mengisi ruang di UMS Speaker Corner.



para mahasiswa/i UMS yang dipengerusikan oleh saudari Adriana Josephcea wakil Kolej Kediaman Tun Fuad.

Speaker-speaker Corner berbincang dan bersoal jawab dengan residen-residen Kolej Kediaman Tun Fuad, Kolej Kediaman Tun Mustapha dan Kolej Kediaman E.

Slot yang pertama bertajuk "Dasar Pendidikan Malaysia" yang dibawakan



ANTARA pelajar yang hadir dalam majlis itu.

oleh Exco Kepimpinan dan Latihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMS iaitu Muhd Jivien Johan Wira Ahmad.

Slot kedua pula disampaikan oleh Presiden kelab Rakan Masjid (KRM) iaitu saudara Muhd Najmie yang bertajuk "Umur

Minimum Berkahwin 14 Tahun?".

Seterusnya wakil dari Persatuan Mahasiswa Sains Sosial (PERMASS) iaitu Minsun.

Mu'az Mujahid Abdullah dengan tajuk "Apa Itu Auku?".

Diikuti oleh Mohd Zulhairy Mohd Zaidi iaitu merupakan JAKMAS Kolej Kediaman Tun Mustapha dengan slot yang bertajuk "Peruntukan Infrastruktur Dan Aset Jakmas".

Slot "Kesukarelawanan" yang disampaikan oleh Ghafur Rahim Mustakim, pelajar Phd Penyelidikan Marin Borneo.

Bilangan mahasiswa dan mahasiswi Kolej Kediaman Tun Fuad yang hadir ialah seramai 77 orang dan ada beberapa pelajar daripada kolej kediaman lain.

Turut hadir Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Ahmad Nurdin dan Timbalan Pengetua Kolej Kediaman Tun Fuad, Jumrat